

Ketua Pustakawan

**Hajah Foyziah
Ahmad Nasuruddin**



MK: Seperti yang kita semua sedia maklum, KUKUM telah hampir dua tahun beroperasi. Dalam tempoh itu juga kita dapat melihat proses pembinaan sebuah khutub khanah akademik yang sepenuhnya menjurus dalam bidang kejuruteraan. Bagaimanakah Puan Hajah melihat akan kepentingan dan fungsi perpustakaan dalam menyokong segala proses pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan di KUKUM agar seiring dengan kemajuan IT kini?

Puan Hajah Foyziah : Dalam usaha menyokong segala proses pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan di KUKUM saya dapat peranan perpustakaan adalah sangat penting. 'Heart of the University' itulah satu-satunya kata-kata hikmat atau kenyataan yang dibuat oleh UK Committee of Higher Learning menggambarkan tentang betapa pentingnya peranan sebuah perpustakaan. Sepanjang karier saya, kata-kata hikmat ini telah saya hayati dan ianya telah menjadi pendorong kepada saya untuk berusaha sedaya upaya menyediakan persekitaran yang kondusif dalam usaha membantu para pelajar, pensyarah dan semua kakitangan mengakses maklumat dengan begitu sempurna.

Membangunkan koleksi yang mantap dalam pelbagai format (cetak & elektronik) adalah salah satu fungsi utama Perpustakaan. Namun kegunaan koleksinya yang akan menentukan sama ada perpustakaan itu memberi manfaat kepada pengguna atau tidak. Menerusi rancangan pendidikan pengguna, Perpustakaan KUKUM telah menyediakan beberapa program bertujuan memberi kemahiran bagaimana menggunakan Perpustakaan dengan lebih efektif. Setiap pelajar di tahun satu diberi pendedahan bagaimana menggunakan OPAC menerusi program yang diberi nama orientasi perpustakaan. Program ini di bawah kelolaan Unit Sirkulasi. Dengan kemahiran ini, mereka dapat mengetahui bahan-bahan yang terdapat di Perpustakaan dan ini membolehkan mereka mencari bahan untuk rujukan dan bacaan mereka.

Perpustakaan KUKUM sebenarnya bertuah kerana dibangunkan di kala era kemajuan IT berada di tahap yang membanggakan. Walaupun baru ditubuhkan namun Perpustakaan telah mampu menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang mempunyai elemen-elemen IT di dalamnya. Sebagai contoh, pihak Perpustakaan telah melanggar beberapa pangkalan data jurnal elektronik seperti Science Direct, IEEE Explore, IOP, ACM, EV2 dan Engnetbase. Pangkalan data ini boleh diakses dari seluruh kampus KUKUM pada bila-bila masa sahaja (24 jam sehari / 7 hari seminggu).

Oleh itu dari semasa ke semasa, Perpustakaan mengadakan program kemahiran literasi maklumat. Dalam program itu, peserta diajar teknik-teknik menggunakan pangkalan data jurnal elektronik. Kemahiran ini penting kerana ianya dapat membantu para peserta apabila mereka membuat penyelidikan. Program ini dikendalikan oleh Unit Runding Maklumat & Media.

Untuk menggalakkan penulisan ilmiah di kalangan kakitangan KUKUM terutama para pensyarah, satu unit yang dikenali sebagai Unit Penerbitan ditubuhkan di Perpustakaan. Melalui unit

ini segala hasil penyelidikan dan penemuan teknologi terkini yang dihasilkan akan diterbitkan. Dengan kerjasama pihak ICT dan pensyarah-pensyarah, Unit ini kini dalam proses menyediakan modul pengajaran dan makmal untuk digunakan oleh pelajar KUKUM.

MK : Selaras dengan pertambahan program dan pelajar kini maka semakin bertambahlah keperluan terhadap perpustakaan dan lain-lain sumber yang berkaitan dengannya, oleh itu apakah segala prasarana yang terdapat di Perpustakaan KUKUM dapat memenuhi keperluan pelajar dan juga staf terhadap segala perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan?

Puan Hajah Foyziah : Terus terang saya katakan bahawa saya masih belum boleh berbangga dengan prasarana yang disediakan pada masa ini. Ini kerana dalam tempoh satu setengah tahun, kami di Perpustakaan hanya dapat menyediakan prasarana asas sahaja.

Sehingga kini Perpustakaan hanya dapat menyediakan sebanyak 200 tempat duduk sahaja dan sebuah bilik Computer Aided Instruction atau Bilik Pembelajaran Berbantuan Komputer yang memuatkan 19 buah komputer untuk memudahkan pengguna-pengguna mengakses maklumat melalui internet. Selain itu sebanyak 7 buah komputer telah disediakan untuk memudahkan semua pengguna mengakses Online Public Access Catalogue (OPAC).

Pihak kami juga sentiasa berusaha untuk memastikan pembangunan koleksi dan perkhidmatan Perpustakaan berkembang dari semasa ke semasa dalam usaha untuk memenuhi segala keperluan dan kehendak semua pengguna. Walaupun masih baru namun Perpustakaan kini telah mempunyai lebih daripada 12,000 naskah buku, 6 pangkalan data jurnal elektronik, jurnal bercetak sebanyak 6 tajuk dan 1456 unit bahan media.

MK : Pada pandangan Puan apakah mutu perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan oleh perpustakaan telah mencapai tahap dan memenuhi kehendak setiap pengguna perpustakaan?

Puan Hajah Foyziah: Saya rasa soalan ini patut diajukan kepada pengguna Perpustakaan kerana mereka lebih arif menilai mutu perkhidmatan kami. Walau bagaimanapun saya ingin tegaskan di sini, bahawa jabatan ini sentiasa menitikberatkan kepuasan pelanggan. Untuk tujuan itu setiap kakitangan kami telah dilatih untuk mementingkan mutu dalam kerja-kerja harian mereka. Sekiranya terdapat sebarang aduan daripada pengguna pihak kami akan menerima dengan fikiran terbuka dan setiap aduan tersebut akan kamijadikan sebagai panduan untuk menambahbaikkan mutu perkhidmatan kami. Dalam sedikit masa lagi, Perpustakaan bercadang untuk menjalankan satu aktiviti soal selidik yang bertujuan untuk mengukur sejauh manakah tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan kami. Hasil daripada aktiviti soal selidik inilah akan kamijadikan sebagai panduan untuk memastikan pembangunan Perpustakaan KUKUM berada di landasan yang betul.



MK : Melihat kepada objektif keempat perpustakaan iaitu untuk memanjangkan perkhidmatan kepada masyarakat luar terutama kepada sektor perindustrian, apakah cabaran dan kekangan yang terpaksa dihadapi oleh Puan Hajah bagi merealisasikannya?

Puan Hajah Foyziah : Pada masa ini kerjasama antara universiti dan sektor perindustrian bukanlah satu fenomena baru. Di KUKUM kita mempunyai Pusat Kerjasama Industri yang diwujudkan bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan demi kebaikan negara. Dalam hal ini Perpustakaan ingin menyumbang sedikit bantuan ke arah merealisasikan kerjasama ini. Salah satu usaha yang dijalankan ialah dengan membuka keahlian (berbayar) kepada sektor industri yang berminat. Dengan menjadi ahli Perpustakaan mereka boleh menggunakan sepenuhnya perkhidmatan dan kemudahan yang telah disediakan seperti mengakses maklumat atau mendapatkan bahan yang diperlukan untuk kerja penyelidikan mereka.

Memandangkan Perpustakaan KUKUM masih dalam proses memantapkan perkhidmatan dan kemudahan yang sedia ada masih terhad, maka idea ini terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu. Saya berharap perkhidmatan ini boleh ditawarkan tidak lama lagi.

MK : Bagaimanakah organisasi perpustakaan ini dilihat dapat membantu dalam menjana keseluruhan bidang akademik di KUKUM dan apakah perancangan strategik perpustakaan seterusnya bagi turut serta dalam membangunkan KUKUM sebagai sebuah pusat pendidikan dan penyelidikan yang bertaraf dunia?

Puan Hajah Foyziah : Matlamat KUKUM ialah melahirkan graduan yang mempunyai kewibawaan dalam bidang kejuruteraan berteraskan elektronik. Untuk mencapai matlamat ini semua jabatan termasuk Perpustakaan perlu memainkan peranan masing-masing. Golongan akademik dan pentadbiran perlu menggembung tenaga untuk menghasilkan graduan bertaraf global. Dalam merealisasikan matlamat ini Perpustakaan berusaha melengkapkan koleksinya dengan bahan-bahan bacaan dan rujukan yang memenuhi keperluan kursus-kursus yang ditawarkan di sini.

Selain itu, Perpustakaan turut mempunyai koleksi umum yang merangkumi bidang perkara seperti pengurusan, keagamaan, psikologi serta motivasi yang secara tidak langsung dapat membentuk sahsiahan diri para pengguna terutamanya para pelajar agar menjadi seorang mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malah dari segi akhlak dan tingkah laku.

Dalam pada itu, pihak Perpustakaan juga telah menganjurkan bengkel khas yang bertujuan untuk membekalkan kemahiran mengakses maklumat berbentuk elektronik kepada semua pelajar yang baru mendaftar di KUKUM. Kemahiran mengakses maklumat adalah satu aspek penting yang perlu ada pada setiap pelajar kerana dengan adanya kemahiran ini mereka akan menjadi individu yang lebih bermaklumat, kreatif dan inovatif.

Seperi mana yang kita tahu proses pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah sangat berbeza dengan proses pembelajaran di peringkat sekolah di mana di sekolah pelajar akan hanya bergantung kepada nota guru dan buku teks semata-mata. Di peringkat IPT pelajar tidak boleh hanya bergantung kepada nota yang diberi oleh pensyarah sahaja kerana dengan bersikap demikian mereka akan menjadi seorang pelajar yang tidak cemerlang. Bagi saya kemahiran mengakses maklumat adalah sangat penting bukan sahaja kepada pelajar-pelajar malah kepada semua warga KUKUM bagi memastikan KUKUM mengebangun sebagai sebuah pusat pendidikan dan penyelidikan bertaraf dunia. Pihak KUKUM mungkin mampu menyediakan segala prasarana dengan begitu sempurna tetapi apakah erti jika tidak ramai yang tahu menggunakan dengan betul.

MK : Sebagai Ketua Pustakawan, apakah Puan Hajah berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh staf di perpustakaan yang sedia ada kini?

Puan Hajah Foyziah : Seperti yang saudari sedia maklum, kakitangan di Perpustakaan ini ramai yang baru melangkah ke alam pekerjaan. Jadi sudah tentulah mereka belum ada pengalaman bekerja. Oleh itu bagi memastikan mereka dapat menjalankan tugas dengan baik maka tunjuk ajar dan bimbingan yang rapi mestilah diberi dari semasa ke semasa kerana terlalu banyak perkara yang perlu mereka tahu. Walaupun mereka masih baru di alam pekerjaan, secara ikhlas saya katakan saya amat berbangga dengan mereka kerana ramai yang menunjukkan potensi untuk menjadi pekerja cemerlang. Sikap ingin tahu dan mahu belajar menjadikan mereka cepat memahami tentang sesuatu perkara. Ini adalah kerana mereka ini sangat komited terhadap tugas mereka. Ini boleh dibuktikan di dalam program-program anjuran KUKUM di mana staf Perpustakaan mengambil bahagian secara aktif. Daya kreativiti dan ketekunan staf Perpustakaan sungguh membanggakan.

MK : Selaras dengan slogan yang diwar-warkan oleh Tuan Rektor kita pada majlis ucaptama baru-baru ini iaitu "terus mengemudi tenaga dan upaya," apakah pendekatan yang telah dan akan digunakan oleh Puan Hajah bagi melakukan penambahbaikan dalam menjana staf yang berkualiti, berketerampilan, berintegriti dan cemerlang dalam menjalankan tanggungjawab mereka?

Puan Hajah Foyziah : Jatuh bangun sesebuah organisasi itu terletak kepada cara-cara kita mengurus kakitangan kita. Bagi saya kakitangan adalah aset penting yang perlu dijaga. Adalah menjadi tanggungjawab saya membina semangat kerja berpasukan dan menerap nilai-nilai murni kepada kakitangan saya demi kecemerlangan KUKUM.

Perkara pertama yang saya titikberatkan ialah disiplin kerana hanya mereka yang berdisiplin sahaja yang dapat menjalankan tugas dengan penuh jujur, ikhlas dan bertanggungjawab. Perkara kedua ialah

kakitangan dimestikan memahami dan menghayati dasar-dasar dan juga visi dan misi KUKUM dan juga Perpustakaan.

Perkara ketiga ialah mereka seharusnya cekap mengurus masa. Kecekapan mengurus masa sudah tentu menjadikan kita lebih produktif dari mereka yang suka membazir masa.


Dalam menerapkan nilai-nilai ini saya berperpaduan kepada konsep yang satu ketika diwar-warkan oleh Tun Dr. Mahathir iaitu 'kepimpinan melalui tauladan'. Sebagai Ketua Jabatan saya tidak mahu menjadi ketam yang menyuruh anaknya berjalan lurus.

Sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab terhadap aktiviti penyebaran sumber ilmu dan maklumat kepada semua warga KUKUM, saya telah cuba sedaya upaya untuk membentuk dan melahirkan kakitangan yang cekap dan berkualiti. Antara usaha yang telah saya lakukan ialah dengan mewujudkan satu jawatankuasa latihan. Tugas atau fungsi jawatankuasa ini ialah untuk merangka program-program seperti mengenali pasti kakitangan untuk diantar menjalani kursus, seminar dan sebagainya yang mampu meningkatkan lagi tahap kecekapan dan keberkesan kerja untuk semua warga Perpustakaan. Setiap kakitangan yang baru melapor diri diwajibkan mengikuti program orientasi Perpustakaan. Melalui program orientasi ini mereka akan didekah tentang fungsi, peranan dan perkhidmatan yang disediakan di Perpustakaan disamping memberi penekanan terhadap fungsi unit-unit lain yang terdapat di Perpustakaan. Dengan adanya program seperti ini saya lihat mereka dapat memahami apakah tugas mereka yang sebenar sebagai warga Perpustakaan dalam usaha memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada pengguna.

Selain itu, saya menganggap setiap kakitangan adalah sebahagian daripada ahli keluarga saya. Oleh sebab itu saya sentiasa mengingatkan kepada mereka bahawa setiap teguran adalah untuk kebaikan kerana sebagai manusia tiada siapa yang terlepas dari melakukan kesilapan. Bagi saya belajar daripada kesilapan adalah satu proses pembelajaran yang cukup berkesan dalam memajukan diri seseorang kerana pengalaman akan mendewaskan kita. Dalam pada itu saya juga telah mengadakan beberapa program bagi memastikan hubungan sesama kakitangan di Perpustakaan menjadi lebih akrab. Sebagai contoh, kami mengadakan jamuan kesyukuran bagi meraikan kakitangan yang menyambut hari lahir pada setiap bulan. Dengan adanya program seperti ini saya lihat nilai-nilai murni seperti semangat bekerjasama dan tolong menolong dapat diterapkan kepada semua kakitangan dan saya dapatinya sangat berkesan.

MK : Selama perpustakaan KUKUM ini beroperasi, apakah cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuh oleh Puan Hajah bagi memastikan kelancaran perjalanan pentadbiran perpustakaan di sebuah kolej universiti yang masih serba baru ini?

Puan Hajah Foyziah : Cabaran yang saya alami sepanjang bertugas di KUKUM amat banyak tetapi di sini saya



Golongan akademik dan pentadbiran perlu menggembung tenaga untuk menghasilkan graduan bertaraf global

akan terangkan beberapa cabaran utama saja. Memberi pendedahan mengenai cara tadbir urus yang telah digarisbuskan oleh kerajaan kepada kakitangan adalah satu aktiviti yang mencabar. Ini adalah kerana kakitangan saya tiada pengalaman kerja. Tugas dan peraturan-peraturan kerja perlu dijelaskan sebail mungkin agar tidak timbul kekeliruan. Banyak masa dihabiskan untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan dengan harapan mereka menjadi kakitangan yang mementingkan kualiti dalam menghasilkan kerja, bertanggungjawab terhadap tugas yang diberi dan berketrampilan untuk menjadi pemimpin masa hadapan.

Usaha saya dalam mengharungi cabaran ini kadang-kadang terbantut disebabkan sikap segelintir kakitangan yang mengambil mudah akan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi walaupun telah beberapa kali diberi nasihat dan teguran.

Cabaran saya seterusnya ialah bagaimana mengoptimalkan ruang Perpustakaan yang terhad. Dengan keluasan 11,000 kaki persegi banyak kemudahan tidak dapat diadakan. Impian saya untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti bilik tayang, bilik muzik, bilik perbincangan dan lain-lain lagi terpaksa diketepikan buat seketika. Ini adalah kerana saya perlu memanfaatkan ruang yang ada dengan memberi keutamaan kepada ruang bacaan, kaunter sirkulasi (pinjaman & pemulangan), OPAC (Online Public Access Catalog) dan ruang rak buku.

Menyediakan perkhidmatan Perpustakaan dalam masa dua bulan adalah cabaran yang tidak akan dilupai seumur hidup. Berkat dari kesabaran, ketekunan dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh kakitangan saya membolehkan perkhidmatan Perpustakaan dapat dibuka pada bulan Jun 2002. Ini menunjukkan jika kita mempunyai kakitangan yang komited terhadap tugas yang diberi, semua halangan pasti dapat diatasi. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas kepada mereka yang telah membantu saya.

MK : Apakah matlamat perpustakaan dalam jangka masa panjang?

Puan Hajah Foyziah : Matlamat Perpustakaan dalam jangka masa panjang ialah menjadi perpustakaan digital dalam bidang kejuruteraan. Dengan adanya perpustakaan digital, pengguna tidak perlu datang ke Perpustakaan kerana maklumat boleh didapati di hujung jari. Mereka boleh mengakses maklumat di mana-mana dan bila-bila masa saja. Ini sudah tentu mengundang perubahan besar dalam pentadbiran perpustakaan. Peranan Perustakaan akan bertukar daripada mengurus koleksinya secara fizikal kepada mengurus maklumat melalui ruang siber. Oleh yang demikian pengurusan Perpustakaan perlu berubah dari "just-in-case"/"just-in-time" kepada "just for you". Ini ialah kerana Perpustakaan perlu "re-package" maklumat mengikut kehendak pengguna. Untuk membangunkan perpustakaan digital ini, Perpustakaan dan ICT mesti bekerjasama kerana kedua-dua jabatan saling perlu dan memerlukan dalam menjayakan penubuhan sesebuah perpustakaan digital. Ini adalah kerana kejayaan mengakses maklumat bergantung kepada prasarana yang dikawal selia oleh pihak ICT.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut Perpustakaan harus bersedia daripada sekarang dengan membuat perancangan yang rapi dan teratur serta diiringi dengan usaha yang berterusan. Antara faktor utama yang perlu ditekankan bagi memastikan matlamat ini tercapai ialah dengan melengkapkan kakitangan dengan kemahiran dan pengetahuan mengenai perpustakaan digital. Oleh itu kakitangan akan diberi pelbagai latihan serta diantar menghadiri kursus bagi menambahkan lagi pengetahuan mereka dalam bidang ini. Oleh kerana Perpustakaan digital memerlukan bajet yang agak besar,

Perpustakaan perlu merancang pembangunannya dengan teliti. Kakitangan mesti diberi garis panduan yang jelas dan isu-isu seperti keberkesanan isi kandungan dan isu hak cipta perlu ditangani. Adalah menjadi harapan saya pada suatu hari nanti Perpustakaan KUKUM akan muncul sebagai Perpustakaan digital contoh dalam bidang kejuruteraan.

MK : Apakah harapan Puan Hajah terhadap keseluruhan warga KUKUM?

Puan Hajah Foyziah : Saya sentiasa mengharapkan agar keseluruhan warga KUKUM dapat sama-sama menggembungkan tenaga dan upaya untuk menjadikan KUKUM sebagai sebuah universiti bertaraf dunia. Impian dan cita-cita ini boleh dicapai sekiranya semua warga KUKUM sanggup bekerja keras dan sedia berkorban demi kecemerlangan KUKUM. Tanpa usaha dan pengorbanan tidak mungkin segala impian akan terlaksana. Dalam era dunia tanpa sempadan ini, kakitangan perlu melengkapkan diri dengan kemahiran kerja berteraskan IT. Dengan kemahiran ini kakitangan tidak akan ditelan arus pembangunan yang semakin mencabar.

Dalam pada itu saya juga sentiasa berharap agar suatu hari nanti pelajar-pelajar KUKUM yang bakal bergelar graduan dapat membuktikan bahawa KUKUM adalah sebuah IPT yang terbaik di negara ini. Ini dapat direalisasikan dengan menunjukkan prestasi yang baik apabila mereka memasuki alam pekerjaan kelak. Saya sentiasa mengharapkan agar ilmu yang mereka tuntut di KUKUM akan digunakan dengan penuh keikhlasan untuk mencapai satu kecemerlangan yang berterusan demi memartabatkan agama, bangsa dan negara.